

Headline	Dosa di sebalik spa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	45	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	349 cm ²
Journalist	MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS	AdValue	RM 7,167
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,501



Dosa di sebalik spa

Tujuh daripada sembilan wanita dipercayai jual tubuh tidak miliki dokumen perjalanan sah

>>Oleh Mohamad Naufal Mohamad Idris

am@hmetro.com.my

KLANG: Sembilan wanita warga asing berusia 19 hingga 33 tahun dipercayai pelacur ditahan di sebuah pusat urut dan spa di Bandar Baru Klang, di sini.

Kegiatan pusat urut dan spa itu terbongkar apabila sepasukan anggota Unit Risik dan Operasi Perancang Cegah Jenayah NKRA dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara menyerbu premis itu, malam kelmarin.

Dalam serbuan bermula jam 10 malam itu, wanita yang ditahan adalah enam

warga Vietnam dan tiga warga Thailand.

Turut ditahan, seorang lelaki warga tempatan berusia 27 tahun dipercayai penjaga premis berkenaan dan tujuh lelaki tempatan berusia 18 hingga 38 tahun yang juga pelanggan.

Ketua Polis Daerah Klang Utara, Asisten Komisioner Mohamad Shukor Sulong

berkata, mereka mendapat maklumat mengenai kegiatan itu daripada orang awam

dan membuat risikan ke atas premis itu selama seminggu.

"Premis itu dipercayai su-

dah menjalankan kegiatan sejak tiga bulan lalu dan didapati melanggar syarat lesen


Premis itu dipercayai sudah menjalankan kegiatan sejak tiga bulan lalu.

spa dan jakuzi yang dikeluarkan Majlis Perbandaran Klang (MPK)," katanya.

Mohamad Shukor berkata, tujuh daripada wanita yang ditahan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan dua lagi menyalahgunakan pas lawatan.

Katanya, semua yang di-

tahan dibawa ke IPD Klang Utara untuk siasatan lanjut dan pemilik premis akan disiasat mengikut Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63 kerana mengambil orang asing bekerja dengan tidak memiliki pas pekerja sah manakala wanita terbabit disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Imigresen kerana menyalahgunakan pas dengan bekerja di negara ini dan Seksyen 372(b) Kanun Keseksaan kerana terbabit dengan pelacuran.



TAHAN
...wanita yang ditahan dalam Ops Noda di sebuah spa di Bandar Baru Klang, malam kelmarin.